



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA

PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	13/5/2013

# Muafakat kaumPasca PRU -13

UM-13/5/2013

**PASCA** Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13) menunjukkan Barisan Nasional (BN) memenangi 133 kerusi berbanding Pas 21; PKR 30 dan DAP 38. Berbanding keputusan PRU-12 pada 2008, BN kekurangan 7 kerusi manakala Pas 23; PKR 31 dan DAP 28 yakni 82 kerusi. Di peringkat Dewan Undangan Negeri (DUN), dalam PRU-12 BN menang 344 berbanding pakatan pembangkang 161 tetapi di PRU-13, BN menang 275 dan PR 230, peningkatan 71 kerusi.

Adakah keputusan ini merupakan penolakan ke atas BN dan penarikan ke atas pembangkang atau apakah faktor penolak dan penarik ke atas keterhakisan sokongan kepada BN dan peningkatan sokongan kepada barisan pembangkang? Kuatkah pembangkang; Lemahkan BN? Apakah keputusan ini sesuatu di luar jangkaan ataupun keputusan yang bersesuaian dengan lanskap politik semasa.

Dalam konteks global, majoriti dua pertiga bukan menjadi trending lagi tetapi kemenangan melebihi majoriti mudah sudah dianggap selesa walaupun kurang bergaya. Ini kerana dengan strata kaum/etnik, umur, kelas, geografi, perbandaran, celik huruf, gender, pekerjaan; ia boleh mempengaruhi garis pengundian dalam PRU.

Yang nyata, perkembangan dari PRU menunjukkan wujud pelbagai andaian, analisis, pandangan, penerimaan dan penolakan. Bilamana Datuk Seri Najib Tun Razak mengumumkan pembentukan kerajaan pada tengah malam 6 Mei 2013 diambang keputusan PRU-13; beliau dengan jelas menampilkan kegusaran mengenai tren pola pengundian dalam kalangan pengundi.

Jika pada PRU 2008, pembangkang menyatakan bahawa budaya mengundi sudah melangkaui garis keetnikan; yang nyata sepanjang 2008 sehingga 2013, mahu tak mahu harus diakui keetnikan sudah menjadi garis pemisah di kebanyakan kawasan dan bukan kesemuanya. Apakah ini ketibetulan atau satu yang dirancang?

Memang diakui pada PRU-12, penolakan dari pengundi Melayu, Cina dan India menyebabkan keterhakisan sokongan ke atas BN yang buat pertama kalinya gagal pertahankan majoriti dua pertiga tetapi di PRU-13; walaupun wujud penolakan sokongan pengundi Melayu dan India di beberapa kawasan tetapi ia diimbangi dengan kembalinya sokongan komuniti ini di kawasan tertentu. Namun, penolakan pengundi Cina lebih ketara di kebanyakan kawasan berbanding penolakan di PRU -12

Pena

DR. SIVAMURUGAN  
PANDIAN



sehingga ia dikatakan mempengaruhi keputusan lebih kerusi yang dimenangi oleh parti pembangkang.

Namun, penolakan ini tidak dapat mengatasi kepulangan sokongan pengundi Melayu, India, Sabah dan Sarawak sehingga pembangkang gagal di bawah slogan 'UBAH' dan 'Ini Kalilah'. Maka, 'Lain Kalilah' buat masa ini tetapi lebih daripada itu, yang perlu diberi tumpuan adalah mengapakah sokongan popular bagi barisan pembangkang meningkat?

Walaupun bilangan kerusi yang dimenangi oleh pembangkang jauh kurang dari BN, tetapi sokongan popular gabungan ketiga-tiga parti iaitu PKR, Pas dan DAP menunjukkan sudah wujud tren untuk menyokong sesiapa sahaja asalkan bukan BN. Ini kerana walaupun undi popular di 9 dari 14 negeri berpihak kepada BN di peringkat Parlimen, secara keseluruhan undi popular BN adalah 47.38% berbanding dengan Pas 14.78%; DAP 15.7% dan PKR 20.39%.

Di bawah sistem majoriti mudah, BN menang. BN tidak tewas walaupun desakan berpanjangan dari lawan di dalam dan luar negara walau wujud pelbagai hasutan, pembohongan strategik dan manipulasi menentu tohmahan tetapi BN juga perlu akur bahawa kelangsungan politik BN bergantung kepada strategi menyeluruh melangkaui penyokong konvensional kerana lanskap politik sudah tidak sama.

Mengapakah BN masih tidak popular walaupun sepanjang empat tahun Najib bertindak-urus negara, pelbagai program dilaksanakan di bawah Pelan Transformasi dan konsep 1Malaysia? Kelas pertengahan dan atasan semacam tidak intim dengan falsafah BN kerana mempunyai persepsi bahawa BN bersifat eksklusif, kurang engagement dengan golongan profesional dan tidak mahu mendengar pandangan serta angkuh.

Jika benar, pucuk kepimpinan bersama saf harus mencari strategi yang lebih mudah dan sesuai. Isu semasa yang berubah-ubah



BN masih utuh ketika ramai menjangkakan BN tidak relevan apatah lagi di peringkat dunia, hampir kesemua parti politik konvensional sudah tewas atau berada dalam liga politik yang berlainan. - UTUSAN/ASWAD YAHYA

dan saling berkaitan dengan pendekatan yang diguna pembangkang menyebabkan yang tidak benar menjadi benar. Malahan jika dibiarkan menular tren pola pengundian mengikut batasan kaum dan etnik serta kelas, ia tidak akan memberikan nilai tambah kepada negara dan penghuninya.

Dengan mandat 133 kerusi, BN akan terus menerajui negara untuk 5 tahun lagi. Antara yang mahu diberikan tumpuan adalah proses pemulihan semangat muhibbah, muafakat, perpaduan, keharmonian dan kesepakatan. Ia adalah susulan dari konsep 1Malaysia yang menekankan elemen penerimaan, kenegaraan dan keadilan sosial. Ini juga boleh dianggap penting untuk mengatasi dapatan kajian lama yang dikemukakan JS Furnival bahawa rakyat negara ini 'bercampur tetapi tidak bergabung'.

Malaysia unik kerana faktor demografi dan geografinya. Malaysia adalah salah sebuah negara yang masih dapat pertahankan nilai muhibbah di sebalik pelbagai ancaman dan konflik yang melanda pelbagai negara lain sehingga konsep politik gabungan besar consociationalism mereka gagal dan tumbang. Dengan pelbagai desakan dalam dan luaran, BN masih utuh ketika ramai menjangkakan BN tidak relevan apatah lagi di peringkat dunia, hampir kesemua parti politik konvensional sudah te-

was atau berada dalam liga politik yang berlainan.

Namun, BN masih mampu menubuhkan kerajaan. Hatta, penekanan ke atas amalan muhibbah semenangnya perlu dengan mengambil kira persekitaran Malaysia 5 tahun akan datang. BN perlu melihat kepada trending dalam kalangan golongan 'tengah' atau 'middle ground' dalam lingkaran kepompong demografi merentasi Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

Bagaimanakah 'wassatiyah' dapat diterap agar menjadi agenda utama tanpa mengira batasan etnik, agama, kepercayaan, ritual, amalan dan juga gender. Bagaimanakah walau mempunyai perbezaan sesama kita; nilai perbezaan dianggap keunikan dan yang diraikan adalah persamaan berkilblatkan kepada praktis kenal mengenali dengan didokong oleh nilai penerimaan, hormat dan faham memahami antara satu sama lain. Menjunjung ketertinggian nilai ini dengan mendokong keluhuran Perlembagaan mesti menjadi teras agenda untuk memulihkan semula persekitaran tanah air.

Hasutan, penipuan, helah dan manipulasi boleh diatasi jika masing-masing walau mempunyai fahaman politik berbeza, boleh bersetuju dalam hal-ehwal kenegaraan dan negara-bangsa. Keputusan PRU-13 menunjukkan pengaruh sentimen kaum dan etnik

masih tebal. Apatah lagi, dengan kehadiran media sosial baru, ia digunakan sebagai alat untuk mengembangkan pengaruh dengan apa cara sekalipun sehingga yang benar menjadi salah dan yang salah boleh menjadi benar. Ketika saya ke stesen minyak pada hari mengundi, pengurus stesen minyak itu menyatakan Tun Dr. Mahathir Mohamad sudah melarikan diri ke luar negeri sedangkan beliau baru mengundi di Titi Gajah! Sampai tahap itu usaha terdesak dilakukan untuk menunjukkan BN akan tewas!

Akidah dan akhlak wajar diutamakan jika mahu mengembalikannya muhibbah dalam kalangan masyarakat Malaysia. Sifat saling perlu memerlukan yakni sifat keberagungan tanpa mengira apa-apa batasan mesti dihormati. Setiap kelompok etnik mesti boleh maju ke hadapan bersama.

Proses kehidupan berkualiti terutama yang masih di paras 40% di bawah garis kemiskinan juga perlu diberikan tumpuan merentasi kaum Melayu, Cina, India, Sabah Sarawak. Jurang intra dan inter kaum juga wajar diberikan penekanan supaya tiada jurang dalam kaum dengan yang kaya menjadi kaya dan yang miskin menjadi miskin.

Agenda muhibbah yang mahu diperkenalkan oleh Perdana Menteri bersesuaian dengan persekitaran semasa kerana beliau juga adalah Perdana Menteri untuk semua. Defisit perwakilan kaum dari politik boleh terjawab di bawah agenda ini dan bagaimana dengan perluasan agenda yang merangkumi bukan sahaja kepentingan ekonomi dan politik tetapi lebih daripada itu adalah kesejahteraan menyeluruh.

Najib boleh mempertingkatkan Majlis Perundingan Hubungan Etnik di peringkat negeri yang agenda dominannya adalah untuk memastikan semua lapisan masyarakat tahu betapa Malaysia tidak boleh terpisah disebabkan fahaman politik yang rigid.

Sudah tiba masanya masing-masing mengabdikan diri untuk keamanan dan 'dalam bersetuju untuk tidak bersetuju'; Akui ada kelemahan dan bermuhasabah untuk mencari kepastian masa depan bagi semua supaya keputusan pengundi dihormati. Bagi yang menang, cari titik keseimbangan bersama; yang kalah terima hakikat dan bersama demi kelangsungan politik tanah air.

PROFESOR MADYA  
DR. SIVAMURUGAN PANDIAN  
Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan  
Universiti Sains Malaysia